

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek pembangunan RMK-12 di Negeri Perak.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak 362 projek dilaksanakan di negeri Perak pada tahun 2021 dengan kos RM15.2 bilion dan peruntukan 2021 asal yang diluluskan adalah sebanyak RM1.7 bilion manakala peruntukan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM1.4 bilion. Antara projek yang dilaksanakan di Perak adalah seperti berikut:

- i. Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembedungan Kinta Barat, Papan, Perak. (Fasa 1);
- ii. Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1;
- iii. Menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (Fr5) Teluk Intan -Kampung Lekir Di Perak;
- iv. Membina Jambatan Bagan Datuk, Daerah Hilir Perak Ke Kampung Sejangop, Daerah Perak Tengah, Perak; dan
- v. Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak serta Jabatan Kardiologi Hospital Ipoh.

2. Memandangkan tempoh RMKe-12 akan tamat pada tahun 2025, maka bilangan keseluruhan projek adalah masih belum muktamad.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang isi rumah dan peratusan berbanding KDNK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir Jun 2021, secara agregat, hutang isi rumah bernilai 1,335.4 bilion ringgit atau berada pada tahap 89.6% kepada KDNK. Nisbah hutang ini telah menurun daripada 93.2% pada Disember 2020.

Walaupun nilai hutang isi rumah ini masih besar, apa yang penting ialah profil hutang berkenaan. Sebahagian besar daripada hutang isi rumah di negara ini bertujuan untuk mengumpul kekayaan. Sebagai contoh, sekitar 70% daripada pinjaman dalam separuh pertama tahun ini telah diberi kepada peminjam daripada golongan berpendapatan sederhana dan tinggi. Sejumlah 40% daripada pinjaman berkenaan pula adalah untuk pembelian harta tanah dan 20% untuk pinjaman kenderaan. Hal ini didorong oleh pelbagai insentif bagi merangsang pemilikan rumah yang ditawarkan oleh Kerajaan dan sektor swasta serta insentif cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bagi menggalakkan pembelian kenderaan bermotor. Di samping itu, nisbah aset kewangan isi rumah kepada KDNK berada pada paras 195%, iaitu nilai aset isi rumah adalah hampir dua kali ganda berbanding hutang isi rumah. Situasi ini menunjukkan isi rumah negara secara keseluruhannya masih berada dalam keadaan *solvent* dengan izin. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan penengah (median) dan purata untuk masyarakat Orang Asli, Dayak, Iban, Melanau, Kadazan, Dusun Murut, Sulu dan Bajau serta pemilikan ekuiti korporat kumpulan kumpulan etnik tersebut secara terperinci dalam RMK-10 hingga RMK-12.

JAWAPAN**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada dapatan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS&BA) pada tahun 2019, bukan Bumiputera mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah yang tertinggi (RM6,910) diikuti oleh Bumiputera Semenanjung (RM5,733), Bumiputera Sabah (RM4,019) dan Bumiputera Sarawak (RM3,758). Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Sabah masing-masing mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata sebanyak RM5,334 dan RM5,037. Pendapatan isi rumah penengah dan purata mengikut kumpulan etnik pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

Kumpulan Etnik	Penengah (RM)	Purata (RM)
Malaysia	5,873	7,901
Bumiputera Semenanjung	5,733	7,439
Bumiputera Sabah	4,019	5,334
Bumiputera Sarawak	3,758	5,037
Bukan Bumiputera	6,910	9,407

2. Etnik-etnik yang diambil kira dalam statistik pendapatan isi rumah penengah dan purata bagi kumpulan Bumiputera adalah seperti berikut:

BUMIPUTERA SEMENANJUNG	BUMIPUTERA SABAH	BUMIPUTERA SARAWAK
Melayu	Bajau	Bidayuh
Bateq	Balabak / Molbog	Bisayah (Sarawak)
Jahai	Bisaya / Bisayah	Bukitan
Kensiu	Bulongan	Iban
Kintak	Dusun	Kadayan (Sarawak)
Lanoh	Idahan / Ida'an	Kajang
Mendriq	Iranun / Ilanun	Kanowit
Che Wong	Kadayan / Kedayan	Kayan
Jahut	Kadazan	Kejaman
Mahmeri	Lundayuh / Lundayeh	Kalabit
Semai	Melayu Brunei	Kenyah
Semoq Beri	Murut	Lahanan
Temiar	Orang Sungai / Sungoi	Lisum
Jakun	Rungus	Lugat
Orang Kanaq	Suluk	Lun Bawang / Murut (Sarawak)
Orang Kuala	Tidung	Melanau
Orang Seletar	Bumiputera Sabah Lain	Penan
Semalai		Punan
Temuan		Sabup
		Sekapan
		Sian
		Sipeng
		Tabun
		Tagal
		Tanjong
		Ukit
Bumiputera Sarawak Lain		

3. Walau bagaimanapun, statistik pendapatan isi rumah bagi setiap etnik Bumiputera tidak dapat disediakan atas sebab kekangan kaedah pengumpulan data melalui survei dan bukannya banci.

4. Berhubung pemilikan ekuiti sektor korporat, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan usul Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di Dewan Rakyat pada 27 September 2021 telah mengumumkan status pemilikan ekuiti sektor korporat berasaskan nilai pasaran tahun 2019 seperti berikut:

- pegangan Bumiputera hanya mencapai 17.2 peratus;
- bukan Bumiputera 25.0 peratus;
- pegangan asing 45.5 peratus; dan
- nomini 12.3 peratus.

5. Pengiraan pemilikan ekuiti sektor korporat ini adalah berdasarkan sumber yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia. Namun, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) tidak dapat menyediakan pecahan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dari Sabah dan Sarawak mengikut kaum. Ini kerana data daripada Bursa Malaysia dan SSM yang digunakan bagi pengiraan ini adalah berdasarkan deklaras syarikat kepada SSM yang hanya terdiri daripada kaum-kaum utama di Malaysia mengikut kategori seperti mana yang telah diumumkan iaitu Bumiputera, bukan Bumiputera, Asing dan Nomini.

Sekian, terima kasih.